

Proton perlu tingkatkan keluaran kereta berkualiti

27 MAY 2005

Daripada JOHARDY IBRAHIM

TOKYO 26 Mei — Perusahaan Otomobil Nasional Bhd. (Proton) perlu meningkatkan keupayaan mengeluarkan kenderaan yang berkualiti pada harga berdaya saing bagi menghadapi pesaing-pesaingnya dalam industri automotif yang semakin mencabar.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, usaha lebih serius perlu diambil oleh Proton untuk meluaskan pasaran eksport mereka ke luar negara.

Menurut beliau, kemasukan kereta-kereta import ke Malaysia, kebanyakannya kenderaan berenjin kapasiti besar dan mewah se-

perti kenderaan pelbagai guna (MPV), sememangnya akan terus berlaku.

Bagaimanapun, Abdullah berkata: "Saya yakin Proton akan terus berkembang dan adalah lebih baik jika Proton dapat menjual lebih banyak model keretanya.

"Dengan kilang canggih di Tanjung Malim, Proton boleh terus menguasai teknologi automotif, supaya ia mampu meneroka pasaran luar.

"Kita perlu menjadi yang terbaik dalam pasaran automotif yang sangat tinggi daya saingnya ini. Kita tidak ada pilihan," katanya kepada wartawan Malaysia pada akhir lawatan tiga harinya ke Jepun di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad selaku Penasihat Proton Holdings Bhd., bahawa kemasukan kereta import tanpa kawalan akan memberi kesan besar kepada industri automotif tempatan.

Menurut Dr. Mahathir, dasar kerajaan yang terlalu terbuka terhadap pasaran kereta luar juga akan menyebabkan pasaran kereta tempatan, Proton, semakin merudum.

"Kita bukan takut bersaing tetapi apa yang kita bimbangkan ialah pengimportan terlalu terbuka dan tidak ada kawalan akan menjejaskan pasaran kereta Proton.

"Agak malang, kereta dari negara-negara yang sama sekali ti-

dak membenarkan pasaran Proton juga dibawa masuk. Jadi sangat penting untuk atasi masalah ini sebab di Malaysia, kita dapat juma apa sahaja jenis kereta luar," kata Dr. Mahathir.

Dalam konteks ini, Abdullah berkata, Tun Dr. Mahathir telah membuat kenyataan penting berkaitan isu Proton.

"Saya harus nyatakan bahawa Proton sedang berkembang dan mengeluarkan lebih banyak kereta tetapi penguasaan pasarannya tidak meningkat," ujar beliau.

Ditanya apa bentuk perlindungan terhadap Proton, Abdullah berkata; "Saya tidak fikir demikian. Proton adalah projek kereta nasional yang penting.

"Malah saya nyatakan mengenai kepentingan Proton dalam perbincangan dengan lain-lain negara seperti di sini (Jepun) serta dengan pengeluar kereta Jerman, Volkswagen yang membentuk usaha sama dengan Proton," kata beliau.

Perdana Menteri berkata, Volkswagen sangat berminat untuk memasarkan model kereta mereka di Malaysia dan tentulah kita mahu melindungi pasaran kita, begitu jugalah Volkswagen.

"Jadi bagaimanakah kita boleh membentuk usaha sama dengan syarikat itu? (Ia dibentuk) menerusi pembangunan teknologi yang merupakan aspek penting dalam usaha sama Proton dan Volkswagen," ujar beliau.

Namun, kata Abdullah, apabila tiba pada isu pasaran automotif, ia akan menyentuh persoalan berapakah bilangan kereta yang akan dikeluarkan?

"Ini adalah isu kritikal yang dibincangkan Datuk Azlan Kendut (Pengerusi Proton ketika itu) dengan Volkswagen dan saya sendiri telah menemui Pengerusinya, Dr. Bernd Pischetsrieder yang menyatakan kegembiraannya terhadap persetujuan yang dicapai ke atas beberapa aspek penting dalam usaha sama Volkswagen dan Proton," katanya. — *Utusan*